



22 MAY, 2026

## ASEAN percepat laksana inisiatif APG

Harian Metro, Malaysia



FADILLAH (tiga dari kiri) sempena Sidang Kemuncak Kepimpinan AI 2026 yang dianjurkan oleh Microsoft Malaysia.

### USAHA KETERSAMBUNGAN SERANTAU

# ASEAN **percepat** laksana inisiatif APG

**Bernamea**  
**Kuala Lumpur**

**N**egara-negara anggota ASEAN sudah bersestuju untuk mempercepat pelaksanaan inisiatif Grid Tenaga ASEAN (APG) dan usaha ketersambungan tenaga se-

rantau untuk memperku-  
kuh kerjasama keselamatan tenaga, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, persetujuan itu dicapai semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN

(AMEM) yang terbaharu, merangkumi perbincangan mengenai Saluran Paip Gas Trans-ASEAN dan perkongsian sumber tenaga yang ada dalam kalangan negara anggota ASEAN.

“Diharapkan menjelang Sidang Kemuncak Pemimpin ASEAN akan datang

(pada November), kita akan dapat memuktamadkan atau merealisasikan objektif tertentu,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak Kepimpinan AI 2026 yang dianjurkan oleh Microsoft Malaysia, di sini, semalam.